

# PELAN TINDAKAN INSIDEN KEBAKARAN MENARA MPAJ

---





## **PENGENALAN**

Sehubungan dengan itu, **Pelan Tindakan Insiden Kebakaran Menara MPAJ** ini dibentuk bagi menggariskan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran di Menara MPAJ.

Tindakan yang diambil adalah pra-pencegahan dimana mengawal situasi kebakaran sebelum tindakan menyelamatkan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

### **OBJEKTIF PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN**

1. Memastikan tindakan menyelamatkan kebakaran dilaksanakan mengikut prosuder dan teratur.
2. Memastikan tindakan awal pencegahan kebakaran dilaksanakan segera bagi mengelakkan kebakaran daripada merebak.
3. Memastikan semua kakitangan bersedia menghadapi situasi kecemasan semasa kebakaran
4. Memastikan tidak berlaku suasana tegang semasa, sedang dan selepas insiden berlaku.
5. Memberi ilmu pengetahuan kepada kakitangan dan pihak penyelenggaraan berhubung dengan kaedah bagaimana untuk bertindak semasa berlaku kecemasan/kebakaran

## **1.0 SASARAN PELAN TINDAKAN**

- 1.1 Memberi maklumbalas selepas menerima amaran kecemasan
  - Sasaran adalah serta merta ( kurang dari 1 minit )
  
- 1.2 Pengesahan berlaku kebakaran
  - Sasaran adalah kurang dari 5 minit
  
- 1.3 Kakitangan mengosongkan pejabat dan berada di dalam tangga kecemasan selepas pengesahan berlaku kebakaran
  - Sasaran adalah kurang 5 minit
  
- 1.4 Ketibaan Bomba selepas pengesahan kebakaran
  - Sasaran adalah kurang dari 10 minit

## **2.0 STRATEGI BAGI MENCAPAI SASARAN**

### **2.1 Strategi 1 :**

Pastikan bilik kawalan sentiasa mempunyai kakitangan bertugas dan kakitangan bertugas adalah terlatih khususnya kakitangan keselamatan dan penyelenggaraan M&E

### **2.2 Strategi 2 :**

Penyelenggaraan Sistem cegah Kebakaran secara berjadual dan berkala bagi memastikan sistem tersebut sentiasa bersedia dan berkeadaan baik.

### **2.3 Strategi 3 :**

Melaksanakan latihan cegah kebakaran kepada kakitangan secara tahunan untuk membiasakan kakitangan sekiranya berlaku situasi sebenar kakitangan

### 3.0 SENARAI TUGAS

BIL	JAWATAN	TUGAS
3.1	Pengawal keselamatan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengesan amaran kecemasan aktif melalui bunyi loceng kecemasan</li><li>• Mengenalpasti lokasi pengera aktif melalui mimic panel sistem penggera kebakaran</li><li>• Memaklumkan kepada pihak penyelenggara bangunan M&amp;E lokasi penggera aktif</li></ul>
3.2	Penyelenggara bangunan M&E	<ul style="list-style-type: none"><li>• Membuat pengumuman peringkat pertama. ( Amaran kuning )</li><li>• Membuat siasatan di lokasi terlibat</li><li>• Membuat pengesahan berlaku kebakaran</li><li>• Membuat pengumuman peringkat kedua (Amaran merah) bagi pengosongan bangunan</li><li>• Memadam dan megawal kebakaran sebelum ketibaan pihak Bomba</li></ul>
3.3	Pengurus Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Membuat pengumuman amaran kebakaran</li><li>• Menyelaras tindakan kecemasan</li><li>• Melapor kepada Bomba situasi kebakaran</li><li>• Mendapatkan maklumat kakitangan daripada warden tingkat/penolong warden tingkat</li></ul>
3.4	Warden Tingkat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memastikan tiada lagi kakitangan berada di dalam pejabat</li><li>• Merekod nama kakitangan yang berkumpul di tempat perhimpunan</li><li>• Mengemukakan maklumat kakitangan kepada pengurus kecemasan</li></ul>
3.5	Penolong Warden Tingkat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Membantu Warden Tingkat merekod nama kakitangan yang berkumpul ditempat perhimpunan</li></ul>

#### **4.0 CARTA ALIR PELAN TINDAKAN INSIDEN KEBAKARAN MENARA MPAJ**

## 5.0 PELAN TINDAKAN INSIDEN KEBAKARAN MENARA MPAJ

BIL	AKTIVITI / TINDAKAN	TANGGUNG-JAWAB	TEMPOH TINDAKAN
5.1	<p>Mengesan alat penggera kebakaran aktif berbunyi (loceng amaran) di tingkat berlaku kejadian.</p> <p>Nota :</p> <p>Loceng amaran berbunyi berterusan di tingkat berlaku kejadian.</p> <p>Loceng amaran berbunyi sekejap-sekejap di tingkat atas dan bawah tingkat berlaku kejadian</p> <p>Pada masa yang sama akan berlaku perkara berikut :-</p> <p>Semua lif akan turun ke tingkat 1</p> <p>'Air Handling Unit' (AHU) akan trip di tingkat yang berlaku kejadian</p> <p>Pressurization Fan akan berfungsi di semua tingkat bangunan</p> <p>Smoke fill fan akan berfungsi</p>	Pengawal Keselamatan	Serta merta

BIL	AKTIVITI / TINDAKAN	TANGGUNG-JAWAB	TEMPOH TINDAKAN
5.2	Maklumkan kepada pihak Penyelenggara M&E lokasi penggera aktif merujuk 'mimic panel' di dalam bilik kawalan.	Pengawal Keselamatan	Serta merta
5.3	<p>Loceng amaran di 'isolate' sementara bagi tujuan pengumuman di 3 tingkat yang terlibat untuk memaklumkan siasatan sedang dijalankan.</p> <p>Nota :</p> <p>Skrip pengumuman seperti berikut ;  '<i>Amaran Kuning</i>'... ( ulang 3 kali )</p> <p><i>'Sila bertenang. Penyiasatan sedang dijalankan. Kami akan maklumkan hasil siasatan sebentar nanti. Saya Ulangi...'</i></p>	Penyelenggara Bangunan M&E	Serta merta
5.4	Siasatan dibuat di lokasi penggera aktif untuk pengesahan kebakaran	Penyelenggara Bangunan M&E	Serta merta



BIL	AKTIVITI / TINDAKAN	TANGGUNG-JAWAB	TEMPOH TINDAKAN
5.5	Penyiasat perlu menggunakan lif bomba ke tempat kejadian. Berhenti lif di tingkat bawah tingkat berlaku kejadian dan seterusnya gunakan tangga untuk naik. Jalankan siasatan di tempat kejadian dengan berhati-hati	Penyelenggara Bangunan M&E	Serta merta
5.6	Jika kebakaran sebenar berlaku, Pecahkan 'break glass'	Penyelenggara Bangunan M&E	Kurang 5 minit selepas menerima amaran kecemasan
5.7	Maklumkan makluman siasatan ke bilik kawalan menggunakan 'fireman intercom dengan segera'	Penyelenggara Bangunan M&E	Serta merta
5.8	Penerima maklumat siasatan di bilik kawalan akan menekan butang 'Evacuate' untuk membunyikan loceng amaran di semua tingkat	Pengurus Kecemasan/ Penyelenggara Bangunan M&E	Serta merta
5.9	<p>Pengumuman di semua tingkat dibuat. Skrip pengumuman seperti berikut ;</p> <p><i>'Amaran Merah'... ( ulang 3 kali )</i></p> <p><i>'Anda diminta turun dengan tenang menggunakan tangga kecemasan terdekat. Sila berkumpul di dataran tingkat 4 dan laporkan nama kepada warden tingkat anda. Jangan gunakan lif. Saya Ulangi.. (2x)</i></p>	Pengurus Kecemasan/ Penyelenggara Bangunan M&E	Serta merta

BIL	AKTIVITI / TINDAKAN	TANGGUNG-JAWAB	TEMPOH TINDAKAN
5.10	Maklumkan kepada pihak Bomba situasi sebenar apabila menerima panggilan telefon menerusi sistem CMS	Pengurus Kecemasan	Serta merta
5.11	Selaraskan kakitangan yang terlibat untuk tindakan awal sebelum ketibaan pihak Bomba .	Pengurus kecemasan	Serta merta
5.12	Pastikan pejabat telah dikosongkan	Warden Tingkat	Kurang 5 minit selepas pengumuman pengosongan pejabat
5.13	Rekod nama kakitangan yang berkumpul di tempat perhimpunan	Penolong Warden Tingkat	Serta merta
5.14	Padam kebakaran dan kawal daripada merebak sebelum ketibaan bomba	Penyelenggara bangunan M&E	Serta merta
5.15	Setelah pihak Bomba tiba, laporkan situasi kebakaran	Pengurus Kecemasan Bomba	Serta merta
5.16	Pihak bomba akan ke lokasi kebakaran menggunakan lif bomba untuk memadam kebakaran.	Pengurus Kecemasan	Bergantung situasi kebakaran
5.17	Memberi taklimat kepada kakitangan situasi semasa selepas mendapat laporan daripada Bomba	Pengurus Kecemasan	Serta merta selepas menerima laporan Bomba

## **6.0 KESIMPULAN**

Tanggungjawab pengurus bangunan adalah memastikan bangunan yang diselia dan penghuni bangunan sentiasa berkeadaan selamat dari sebarang risiko terutama risiko berlaku kebakaran.

Namun begitu kerjasama antara pengurus bangunan dan penghuni bangunan adalah amat penting di dalam memastikan perkara tersebut tidak berlaku.

Di dalam menangani sesuatu insiden terutama semasa berlaku kebakaran, selain mematuhi prosuder menyelamatkan semasa kebakaran sepertimana yang telah ditetapkan, setiap individu perlulah mempunyai ketenangan terutama emosi bagi mengelakkan berlaku suasana yang tegang. Sikap tenang dan saling membantu akan memudahkan pihak pengurusan bangunan dan pihak Bomba menjalankan tugas menangani insiden yang berlaku.

Disediakan oleh :

**BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA**

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**

# PELAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA ALAM

---



### **1. TUJUAN**

Prosedur Bencana Alam Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ini dibentuk bagi menggariskan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku sesuatu bencana di kawasan majlis seperti pokok tumbang, banjir dan tanah runtuh.

### **2. OBJEKTIF**

Memastikan semua aduan yang berkaitan dengan bencana alam dapat diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu antara 15 hingga 30 minit bergantung kepada keadaan lalulintas untuk ke tempat kejadian.

Memastikan semua anggota dan pegawai yang bertugas sentiasa mematuhi arahan-arahan yang telah ditetapkan dalam melaksanakan tugas-tugas yang melibatkan bencana alam.

### **3. TAKRIF BENCANA**

#### ***MKN, Arahan 20/(5)***

*“Bencana ditakrifkan sebagai sesuatu kejadian yang berlaku secara mengejut, bersifat kompleks dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan kepada harta benda atau alam sekitar serta menjejaskan aktiviti masyarakat setempat. Kejadian ini memerlukan pengendalian yang melibatkan sumber, peralatan, kekerapan dan tenaga manusia yang ekstensif daripada banyak agensi serta penyelarasan yang berkesan, dalam mana kemungkinan memerlukan tindakan yang kompleks dan jangkamasa yang panjang”*

#### ***MKN, Arahan 20/(12)***

*“ Kejadian-kejadian bukan bencana adalah ditakrifkan sebagai kejadian atau kemalangan yang bersifat kecemasan atau tidak yang melibatkan sejumlah kecil mangsa dan kesanya hanya kepada mangsa terlibat. Kejadian kemalangan yang bercorak ini tidak mempunyai kemungkinan untuk merebak. Kejadian-kejadian ini kebiasaanya dapat dikendalikan dalam masa yang singkat oleh agensi-agensi yang berkenaan dengan menggunakan sumber-sumber dan kemudahan-kemudahan yang minima di peringkat tempatan”.*

#### **4. SKOP**

Skop prosedur ini hanya bagi bencana-bencana yang tidak melibatkan kehilangan nyawa serta kerosakan harta yang serius. Bencana-bencana yang terlibat adalah seperti berikut :-

##### **a) Pokok Tumbang**

Memastikan semua pokok yang menghalang lalulintas atau menimpa harta atau kenderaan diambil tindakan segera bagi mengelakkan kesesakan lalulintas.

##### **b) Banjir**

Membantu mangsa-mangsa yang terlibat seperti memindahkan ke pusat-pusat pemindahan sehingga bantuan daripada agensi yang bertanggungjawab diperolehi.

##### **c) Tanah runtuh**

Membantu mangsa untuk berpindah dengan menyediakan kemudahan logistic seperti lori serta tempat kediaman sementara.

#### **5. STRATEGI BAGI MENCAPAI SASARAN**

##### **5.1. Strategi 1 : Koordinasi Keanggota**

Semua pegawai dan anggota yang terlibat telah diarah supaya melaksanakan pemantauan ke atas kawasan-kawasan yang berisiko terjadinya bencana terutamanya pada musim hujan dan rebul. Pegawai dan anggota diarah bertugas 24 jam mengikut jadual yang telah ditetapkan.

##### **5.2. Strategi 2 : Koordinasi Logistik**

Memastikan semua peralatan yang dibekalkan berada dalam keadaan baik seperti mesin pemotong kayu "Chin Saw", Generator, khemah, lampu limbah dan kenderaan.

### **5.3. Strategi 3 : Koordinasi Ke Atas Mangsa**

Membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan menggunakan kelengkapan logistic majlis serta bantuan tenaga anggota bagi memastikan kerja-kerja pemindahan berjalan lancar.

## **6. JAWATANKUASA PENGURUSAN DAN BANTUAN BENCANA MPAJ**

### **KEAHLIAN**

Pengerusi	:	Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Timbalan Pengerusi	:	Setiausaha/ Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Ahli-ahli	:	1) Pengarah Jabatan Penguatkuasa 2) Pengarah Jabatan Kejuruteraan 3) Pengarah Jabatan Belia & Kemasyarakatan 4) Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran 5) Pengarah Jabatan Bangunan & Senibina 6) Pengarah Jabatan Undang-Undang 7) Pengarah Jabatan Audit 9) Pengarah Jabatan Pelesenan 10) Jabatan Perancang Bandar 11) Pengarah Jabatan Perancangan Korporat 12) Pengarah Jabatan Perbendaharaan 13) Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan

## **7. UNIT BENCANA ALAM MPAJ**

Jabatan Penguatkuasa, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dipertanggungjawab bagi menjalankan tugas-tugas pemantauan serta tindakan ke atas kejadian bencana secara 24 jam.

## **8. SENARAI TUGAS**

- 8.1 Menjalankan tugas-tugas di bilik kawalan dan “hotline”
- 8.2. Mendapatkan maklumat pengadu, alamat lokasi kejadian serta jenis bencana
- 8.3. Mengemukakan aduan kepada anggota yang bertugas.
- 8.4. Bergerak ke lokasi dan mengenalpasti tahap bencana. Jika bencana yang melibatkan pokok tumbang yang menghalang lalulintas, anggota hendaklah membersihkan dan memastikan laluan kenderaan dibuka dengan segera. Jika pokok menimpa harta awam atau persendirian, anggota hendaklah memastikan tahap bahaya bencana yang berlaku terhadap anggota yang bertugas atau orang awam yang terlibat jika tindakan dilaksanakan. Jika situasi terlalu berisiko dan bahaya, anggota perlu memaklumkan kepada bilik kawalan bagi mendapatkan bantuan daripada agensi yang lain.
- 8.5. Bantu mangsa yang terlibat jika bencana melibatkan banjir atau tanah runtuh dengan memindahkan mangsa ke lokasi yang selamat. Hubungi Jurutera, jabatan Kejuruteraan MPAJ bagi mendapatkan pengesahan mengenai tahap keselamatan.
- 8.6. Bantu mangsa berpindah ke kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak majlis jika kawasan telah disahkan tidak selamat oleh pihak Jurutera Majlis.
- 8.7. Menyediakan peralatan-peralatan seperti lampu limpah jika bencana berlaku pada waktu malam.
- 8.8. Membuka bilik gerakan jika bencana melibatkan kehilangan nyawa bagi menempatkan pasukan penyelamat atau tugas-tugas pemantauan selepas kerja-kerja menyelamatkan selesai dilaksanakan.



## 9. ARAHAN PENTADBIRAN

- 9.1. Semua anggota yang bertugas hendaklah memastikan semua peralatan seperti “Chin Saw, lampu suluh, baju hujan “Metal Cutter” disediakan di dalam kenderaan.
- 9.2. Anggota bertugas hendaklah memastikan semua peralatan berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- 9.3. Semua anggota hendaklah bersiap sedia sepanjang waktu bertugas dalam menghadapi apa-apa bencana.
- 9.4. Anggota dilarang meninggalkan pejabat semasa bertugas kecuali dengan kebenaran pegawai atau pengarah jabatan.
- 9.5. Anggota hendaklah dengan segera bergerak ke lokasi bencana selepas mendapat maklumat/aduan daripada bilik gerakan.
- 9.6. Anggota hendaklah melaporkan kepada pegawai atau pengarah jabatan mengenai tahap bencana yang berlaku.
- 9.7. Anggota hendaklah membuat kawalan keselamatan dan dilarang sama sekali meninggalkan kawasan bencana sehingga pasukan penyelamat mengambil alih tugas menyelamatkan.
- 9.8. Bagi bencana seperti pokok tumbang yang tidak melibatkan nyawa, tindakan hendaklah diambil serta merta.

## 10. FUNGSI

- 10.1. Memberi bantuan kepada agensi yang berkaitan seperti Polis, Bomba, SMART dan JPAM.
- 10.2. Menyalurkan maklumat awal kepada agensi yang berkaitan jika bencana alam yang berlaku melibatkan kehilangan nyawa serta kemusnahan harta benda.
- 10.3. Memberi bantuan logistic kepada pasukan penyelamat serta menyediakan peralatan yang sesuai untuk kegunaan di kawasan bencana.
- 10.4. Membuat kawalan untuk memastikan kawasan bencana alam tidak dimasuki oleh pihak tidak berkenaan selepas kerja-kerja menyelamatkan selesai.
- 10.5. Mengambil tindakan segera ke atas bencana alam yang tidak melibatkan kehilangan nyawa seperti pokok tumbang dan banjir kilat.
- 10.6. Melaksanakan pemantauan ke atas lokasi-lokasi yang berisiko berlaku kejadian pokok tumbang, banjir kilat dan tanah runtuh pada musim hujan.

## 11. RESPON KEPADA BENCANA YANG DIHADAPI PENDUDUK BERDASARKAN TOR (TIME OF RESPONSE)

Jangka masa ke tempat berlakunya bencana alam

TERIMA ADUAN	TEMPAT	JANGKA MASA
Terima aduan daripada bilik kawalan	Hulu Klang	15 – 30 minit
Terima aduan daripada bilik kawalan	Ampang	10 – 15 minit



## 12. PELAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA ALAM

BIL	JENIS BENCANA	AKTIVITI/TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	TEMPOH TINDAKAN
01.	Pokok Tumbang	Menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan serta merta	Pegawai/ anggota bertugas	15 – 30 minit
02.	Banjir	Memindahkan mangsa-mangsa ke lokasi yang sesuai sehingga mendapat bantuan daripada agensi yang terlibat.	Pegawai/ anggota bertugas	30 minit – 1 jam
03.	Tanah runtuh	Memindahkan mangsa-mangsa ke lokasi yang selamat sehingga mendapat pengesahan daripada Jurutera MPAJ.	Pegawai/ anggota bertugas	30 minit – 1 jam

### 13. CARTA ALIR

Terima aduan daripada orang awam. Dapatkan maklumat mengenai bencana yang berlaku dan lokasi kejadian.

Salur aduan kepada anggota bertugas.

Bergerak ke lokasi aduan.

Kenalpasti tahap bencana. Pelan tindakan yang sesuai.

Maklumkan kepada bilik kawalan mengenai tahap bencana dan tindakan yang akan diambil.

Perlu bantuan daripada agensi lain ?

Hubungi bilik kawalan bagi mendapatkan bantuan daripada agensi yang berkaitan.

Jalankan tindakan membantu mangsa menggunakan logistik dan anggota bersama agensi yang terlibat.

Buat kawalan di kawasan bencana selepas kerja-kerja menyelamat selesai.

Tamat.

## PELAN PENGURUSAN CERUN

---